

Pengalaman Kepulihan Dalam Kalangan Klien *Cure and Care Service Centre*

Oleh

Siti Salina Abdullah, PhD
Ruhani Mat Min, PhD
Madiah Mohamad Shukri, PhD
Rabaaton Adawiah Mohd Yusoff, PhD
Zuhda Husain, PhD

Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu

Abstrak

Cure and Care Service Centre (CCSC) telah ditubuhkan hasil transformasi oleh Agensi Dadah Kebangsaan. Pendekatan sukarela yang diaplikasikan oleh CCSC telah membantu klien yang mendapatkan rawatan dan pemulihan untuk kekal pulih. Kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka pengalaman kepulihan yang berjaya di capai oleh tujuh bekas klien CCSC. Peserta kajian yang terlibat terdiri daripada mereka yang telah menjalani program yang dikendalikan di empat buah CCSC iaitu Kuala Terengganu, Terengganu; Ampang, Kuala Lumpur; Muar, Johor dan Teluk Bahang, Pulau Pinang. Terdapat empat tema yang diperolehi daripada kajian ini iaitu Aplikasi Pengetahuan, Tanggungjawab, Perolehi Sokongan dan Perubahan. Dalam tema Tanggungjawab, terdapat empat sub-tema iaitu uruskan keperluan diri, komitmen, keinginan untuk kekal pulih dan hijrah. Tema keempat iaitu Perubahan mengandungi enam sub-tema iaitu pemikiran, pandangan terhadap masyarakat, fizikal, pengetahuan mengenai kehidupan, pengetahuan mengurus keinginan terhadap dadah dan yang terakhir adalah pengetahuan mengenai cara untuk berhenti dari penagihan. Implikasi kajian turut dibincangkan dalam kertas kerja ini.